

UMNO akan berpecah jib sikap berpuah kembali — Mahathir

KUALA LUMPUR 31 Okt. 1992

Presiden UMNO (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) bimbang UMNO akan berpecah semula jika sikap berpuak-puak kembali ke dalam parti itu.

Sehubungan dengan itu, beliau meminta ahli-ahli parti menyingkir mereka yang terlalu ghairah untuk menjadi pemimpin.

"Saya bimbang, mungkin timbul perpecahan semula dalam UMNO dan ingin saya tegaskan bahawa sesiapa yang terlalu ghairah dan menggunakan cara yang buruk untuk mendapat tempat merekalah yang patut disingkir," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan 1,200 pemimpin bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan mengenai surat-surat layang yang semakin banyak disebarkan di bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara.

Mingguan difahamkan, antara kandungan surat layang itu ialah kononnya sudah wujud barisan kabinet bayangan pucuk pimpinan UMNO yang patut dipilih menjelang pemilihan tahun depan.

Ada juga surat layang yang memburukkan keperibadian

pemimpin tertentu, termasuk kempen untuk merebut pucuk pimpinan yang sedia ada.

Kata Dr. Mahathir, nampaknya ada unsur-unsur untuk menentukan siapa yang patut dipilih dan siapa yang patut dikekalkan menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

Menurut Dr. Mahathir, dirinya juga tidak terlepas daripada difitnahkan.

"Tetapi ini tidak bermakna pula Encik Ghafar yang buat surat layang ini, maksud saya kita tak tahu siapa yang buat, boleh jadi orang UMNO, boleh jadi bukan orang UMNO," katanya.

Beliau berkata, apa yang diharapkan ialah ahli-ahli UMNO tidak mudah terpedaya dengan surat layang ini.

Dr. Mahathir juga menjelaskan, beliau tidak tahu sama ada pihak polis dapat mengesan pengedar surat layang ini.

"Saya juga tidak tahu sama ada perbuatan mengedar surat layang ini satu kesalahan atau tidak, kalau salah polis boleh memainkan perannya," kata beliau.

Mengenai pembentukan 12 bahagian baru UMNO, Dr. Mahathir berkata, dalam perjumpaan hari ini, ahli-ahli bertanya, siapakah yang patut memimpin bahagian baru ini.

Kata Dr. Mahathir, beliau

memberitahu bahawa Majlis Tertinggi UMNO (MT) tidak akan campur tangan dalam menentukan calon atau ketua bahagian baru dengan syarat semua orang setuju dengan calon yang terpilih.

"Saya memberi jaminan bahawa MT tidak akan campur tangan, kalau semua orang bersetuju dengan seseorang calon yang dipilih, tetapi kalau ada sungutan atau bantahan sehingga boleh membawa kepada perpecahan, mahu tidak mahu MT terpaksa campur tangan," katanya.

Menegaskan

Ditanya keadaan macam mana yang akan mendorong MT campur tangan, Perdana Menteri berkata: "Kalau ada dua atau tiga calon yang masing-masing mungkin lebih kurang sama kuat dan kalau pilih seorang yang lain tidak mahu menyokong."

Dr. Mahathir menegaskan, MT terpaksa campur tangan pada masa itu kerana ia boleh menyebabkan UMNO lemah dan berpecah.

"Apabila MT campur tangan ia akan menentukan calon yang harus dipilih dan pada peringkat ini adalah menjadi tanggungjawab kepada semua ahli menerima calon tersebut," katanya lagi.

Menjawab satu soalan, Dr.

Mahathir berkata, penentuan sempadan untuk bahagian baru hanya akan dapat ditentukan apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selesai menjalankan kajiannya.

Mengenai perjumpaan hari ini, Dr. Mahathir menjelaskan, ia adalah satu tradisi dalam UMNO sebelum mesyuarat agung perwakilan dimulakan.

Katanya, perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin bahagian ini ialah untuk memberi peluang kepada mereka membangkitkan apa juga masalah yang pada pandangan UMNO tidak perlu dibangkitkan pada mesyuarat agung.

Menurut beliau, langkah ini diambil semata-mata untuk menjaga imej parti supaya sebarang masalah dalaman boleh diselesaikan secara keluarga dalam perjumpaan seperti ini.

"Antara lain kita membincangkan soal prinsip parti dan cara-cara UMNO bergerak kerana inilah pertama kali bahagian-bahagian UMNO Sabah hadir dan mereka ingin mengetahui cara kita bergerak serta persiapan untuk sebarang kemungkinan jika berlakunya pilihan raya negeri itu.